

## Clinical Supervision Practices Affect Teachers Teaching Effectiveness Level In Kuala Kangsar

### Amalan Penyeliaan Klinikal Mempengaruhi Tahap Keberkesanan Pengajaran Guru Di Daerah Kuala Kangsar

Nur Nazurah Mohd Noramin Chang, Khadijah Daud\*

School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, University Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: p-khadijah@utm.my

#### Abstract

This descriptive study was carried out through a questionnaire on ten schools in the Kuala Kangsar Zone of Perak to observe the clinical supervision of principals. The main purpose is to identify teachers' perceptions of clinical supervision that was carried out by the principals and to see the effectiveness of supervision towards the quality of teaching in schools. A total of 175 sets of questionnaires were distributed to teachers in eight selected schools. Pilot study was conducted to determine the reliability of instrument of the study. The data were collected quantitatively and analyzed using the Statistical Package For Social Sciences (SPSS) version 20.0. The Pearson Correlation Test was used to test the hypothesis of this study. In addition, mean, frequency, and percentage are also used in analyzing data. The findings revealed that teachers' perceptions of clinical supervision conducted by principals were high. The efficacy of clinical supervision in study schools was also high. The three main phases of the clinical supervisory approach are clearly carried out by the principles as a supervisor. From the analysis of the correlation test, there is a significant correlation between the perceptions of the teachers towards the quality of teaching. At the end of the study, recommendations on the implementation of clinical supervisory exercises at the school were outlined, along with suggestion of future research.

**Keywords:** Supervision; clinical; effectiveness; teaching; quality; incentives

#### Abstrak

Kajian berbentuk deskriptif ini telah dijalankan secara tinjauan melalui soal selidik ke atas sepuluh buah sekolah di Zon Kuala Kangsar Perak untuk melihat amalan penyeliaan Klinikal Pengetua. Tujuan utamanya ialah untuk mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap penyeliaan klinikal yang dijalankan oleh pengetua dan ingin melihat keberkesanan penyeliaan terhadap tahap kualiti pengajaran guru di sekolah-sekolah. Sebanyak 175 set soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru di lapan buah sekolah yang terpilih. Kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan instrument kajian. Data dikumpul secara kuantitatif dan telah dianalisa menggunakan perisian "Statistical Package For Social Sciences" (SPSS) versi 20.0. Ujian Kolerasi Pearson digunakan dalam menguji hipotesis kajian ini. Disamping itu, min, kekerapan, frekuensi dan peratusan juga digunakan dalam menganalisa data. Dapatkan kajian mendapat persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal yang dijalankan oleh Pengetua adalah tinggi. Keberkesanan penyeliaan Klinikal di sekolah-sekolah kajian juga didapati tinggi. Tiga fasa utama dalam pendekatan penyeliaan Klinikal jelas dijalankan oleh Guru Besar sebagai penyelia. Daripada analisis ujian Kolerasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan persepsi guru terhadap tahap kualiti pengajaran guru. Di akhir kajian, cadangan- cadangan penambahbaikan perlaksanaan penyeliaan klinikal di sekolah telah dinyatakan, beserta dengan cadangan kajian lanjutan.

**Kata kunci:** Penyeliaan; klinikal; keberkesanan; pengajaran; kualiti; insentif

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

#### ■1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu bidang yang sentiasa berhadapan dengan cabaran-cabaran yang mencabar sehingga memerlukan perancangan rapi, bersistematik dan menyeluruh. Selain itu, pendidikan merupakan agen perubahan dalam masyarakat (public interests). Kualiti kepimpinan dan pengurus yang menerajui sistem persekolahan amat perlu diberi penekanan. Begitu juga apabila sesebuah institusi pendidikan menghadapi masalah, langkah yang akan dilakukan ialah menggantikan pengurus lama dengan pengurus baru yang lebih berkaliber (Abdul Shukor, 2014).

Empat ciri utama bagi seseorang pemimpin yang cemerlang iaitu mestilah seorang yang jujur, melakukan tugas dengan cekap, berpandangan jauh dalam merangka strategi dan sentiasa menjadi sumber inspirasi kepada semua orang bawahannya (Lucio, 1967). Pemimpin yang cemerlang akan sentiasa menjaga kualiti dan intergriti yang akan menjadi sumber kekuatan untuk berjaya memperoleh

kepercayaan, sokongan dan kesepakatan dalam bekerja daripada anggota organisasi dan pada masa yang sama dapat meningkatkan komitmen dan kesetiaan daripada pekerja.

Namun begitu menurut Shamsuddin dan Kamarul Azmi (2016), kerap berlaku amanah untuk melaksanakan penyeliaan tidak dapat dilakukan seperti sepatutnya, disebabkan pelbagai kengkangan seperti kesuntukan masa dan kesibukan dengan pelbagai tugas pentadbiran. Hal ini berlaku mungkin disebabkan pengetua selaku penyelia belum begitu menghayati falsafah di sebalik proses penyeliaan itu sendiri. Menurut beliau juga penyeliaan yang dijalankan juga belum begitu menjadi instrument yang berkesan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Maka timbulnya pelbagai tanggapan yang bermain dalam kotak kongnitif guru dan penyelia, apakah dan bagaimanakah melaksanakan penyeliaan dalam erti kata yang sebenar. Oleh itu pengetua selaku penyelia juga seharusnya mengetahui kaedah-kaedah penyeliaan, berpengetahuan luas, berkemahiran serta berkebolehan, agar dapat mempengaruhi guru yang diseliana untuk meningkatkan mutu pengajaran. Pengetua juga harus mempunyai pengetahuan yang mencukupi dan kecekapan dalam menangani segala masalah yang timbul terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh guru-guru (Latif, 2015). Hal ini bagi memastikan guru-guru dapat memperkembangkan potensi diri dan mengatasi sebarang kekurangan sekiranya ada. Sepertimana yang dikatakan oleh Alimuddin (2016) penyeliaan oleh guru besar dapat membantu guru-guru mempertingkatkan mutu pengajaran mereka supaya menjadi bertambah berkesan.

Pernyataan kelemahan pengajaran guru dinyatakan oleh Rosmizana Yahya (2015), iaitu kebanyakan guru tidak menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang berkesan. Guru lebih suka mengajar cara tradisional iaitu berpandukan buku teks dan penulisan di papan hitam tanpa adanya bahan bantu mengajar yang menarik. Murid-murid lebih kepada berpusatkan guru daripada mereka melontarkan idea dan pandangan. Di dalam era kemodenan seharusnya guru haruslah bijak mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran berkesan.

Strategi pengajaran penting kerana menurut Ana Hafizan Daud (2012), pelbagai pendekatan pengajaran berpusatkan berpusatkan murid, bahan, kaedah dan teknik boleh membantu mencapai objektif dan strategi pengajaran. Guru yang berkualiti pula ialah guru yang bersikap profesional, mahir dalam hal-hal perguruan dan peka terhadap perkembangan pendidikan. Oleh itu kesedaran di kalangan penyelia adalah penting kerana penyeliaan adalah satu kaedah yang dapat digunakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah.

Oleh kerana masalah yang dinyatakan di atas, maka pengkaji ingin mengkaji sejauh manakah hubungan antara penyeliaan guru besar dapat mempengaruhi pengajaran berkesan dalam kalangan guru. Ini kerana penyeliaan memberi kesan dan amat mempengaruhi pengajaran guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran mereka kerana ianya mempunyai objektif yang tersendiri untuk memastikan kaedah yang terbaik dan menarik dapat diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, sebagai pengetua, mereka hendaklah sedar bahawa penyeliaan merupakan satu tugas penting bagi pengetua kerana ianya merupakan satu kaedah yang dapat digunakan untuk meningkatkan tahap kualiti dalam pengajaran guru di bilik darjah. Penyeliaan yang berkesan juga akan melahirkan guru yang profesional dalam membina modal insan yang cemerlang

## ■2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tajuk yang dibincangkan meliputi definisi penyeliaan, penyeliaan klinikal, konsep penyeliaan klinikal, model-model penyeliaan, model Acheson dan kajian- kajian lepas berkaitan model penyeliaan Klinikal. Seterusnya kajian ini juga membincangkan mengenai pengajaran berkesan, definisi pengajaran berkesan, model - model pengajaran berkesan, Model Slavin dan akhir sekali kajian- kajian lepas yang telah dijalankan.

Berhubung dengan penyeliaan, Glathorn (1984) menyatakan bahawa penyeliaan pengajaran merupakan satu proses bagi membantu perkembangan profesional guru dengan memberi maklum balas tentang interaksi bilik darjah dan menolong guru mengajar dengan lebih berkesan. Embretson, Feber, dan Langager (1984) dalam Abdul Rahman (2011) pula menjelaskan penyeliaan adalah proses perkembangan yang mempromosi pertumbuhan dan perkembangan berterusan kakitangan dalam seni pengajaran, meningkatkan motivasi serta penambahbaikan program pengajaran. Penyeliaan klinikal adalah satu kaedah penyeliaan secara langsung melalui pemerhatian penyelia terhadap individu yang diselia. Menurut kajian Cogan (1973) dan Goldhammer (1969) dalam Nurlia (2014) mendefinisikan penyeliaan klinikal sebagai satu rekabentuk yang rasional dan praktikal untuk memperbetulkan teknik pengajaran guru di dalam bilik darjah dan hubungan antara guru dan penyelia dalam memperbaiki pembelajaran murid dengan memperbaiki tingkah laku pengajaran guru di dalam bilik darjah. Penyeliaan klinikal juga merupakan penyeliaan secara langsung melalui pemerhatian penyelia terhadap individu yang diselia. (Pajak, 2008).


Acheson dan Gall (1980), telah mengemukakan model penyeliaan klinikal dalam tiga peringkat atau fasa iaitu fasa konferensi sebelum penyeliaan pengajaran, fasa penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dan fasa sesi konferensi selepas penyeliaan. Model penyeliaan ini turut diperakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1993) dan sesuai diguna pakai dalam konteks penyeliaan pengajaran bilik darjah di Malaysia. Pendekatan yang telah dikemukakan oleh Acheson dan Gall mempunyai tiga fasa yang penting iaitu fasa konferensi sebelum penyeliaan, pencerapan didalam bilik darjah dan konferensi selepas pencerapan.

Pengajaran berkesan mempunyai pelbagai maksud kerana ianya merupakan satu perkataan yang umum dan meluas. Menurut Ana Hafizan Daud (2012), beliau menyatakan terdapat pelbagai pendapat dan pandangan mengenai pengajaran berkesan. Pengajaran berkesan bermaksud seseorang yang bergelar sebagai pendidik, harus mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai sesuatu ilmu pengetahuan serta mempunyai kemahiran atau teknik profesional yang tinggi.

Definisi pengajaran berkesan menurut Hamsan Abd. Latif (2012), di takrifkan sebagai satu pengajaran yang berkemungkinan boleh meningkatkan tahap pembelajaran dalam diri seorang pelajar melalui sesuatu pengalaman. Ia akan mengubah jenis tingkah laku seseorang pelajar yang dinilai berdasarkan prestasi murid dalam aktiviti pembelajaran mereka yang boleh diukur aras kualitinya berdasarkan ujian rujukan norma atau relatif dan kriteria.

Menurut Mok Soon Sang (2008), ia dapat ditingkatkan melalui pelbagai aktiviti antaranya adalah aktiviti soal jawab dan begitu juga dengan penilaian terhadap keberkesanannya penggunaan bahan pembelajaran yang dapat meningkatkan tahap penerimaan maklumat pembelajaran dengan lebih jelas berdasarkan maklumat balas yang diberikan oleh pelajar.

Model awal tentang amalan pengajaran guru berkesan telah dikemukakan oleh Caroll (1963, 1989). Mengikut Caroll dalam Shahril (2014) pengajaran yang berkesan dipengaruhi oleh lima faktor iaitu kualiti pengajaran guru, kesesuaian aras pengajaran, pemberian insentif sebagai ganjaran dan motivasi kepada murid serta penggunaan masa pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Namun begitu, untuk kajian ini, pengkaji menggunakan 3 item sahaja iaitu, kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif. Rajah 1 di bawah menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu Model Penyeliaan Klinikal Acheson & Gall 1980.



**Rajah 1** Kerangka konseptual kajian

### ■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti persepsi guru terhadap Penyeliaan Klinikal pengetua dari aspek sebelum, semasa dan selepas penyeliaan.
- Mengenalpasti persepsi guru terhadap keberkesanan Penyeliaan Klinikal terhadap tahap kualiti pengajaran berkesan dari aspek tahap kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif pengajaran.
- Mengenalpasti hubungan Penyeliaan Klinikal dengan faktor pengajaran berkesan di kalangan guru.

### ■4.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kuantitatif, jadi kaedah pengumpulan data menggunakan kaji selidik tinjauan. Dalam kaji selidik dalam bentuk kaji selidik, teknik pengumpulan data adalah dengan menggunakan bentuk-bentuk yang sah sebagai instrumen yang diedarkan dalam kajian sampel. Menurut Malek (2014), kajian kaji selidik dijalankan untuk mendapatkan kuantiti, kuantiti atau data yang melibatkan nombor (berangka).

Dalam kajian ini, responden memberi persepsi berdasarkan pemboleh ubah yang ditentukan melalui soal selidik yang memberikan maklumat yang diperlukan oleh kajian ini. Di samping itu, para penyelidik memperoleh maklumat tambahan daripada dokumentasi rujukan yang diperoleh oleh penyelidik dari perpustakaan, laman web dan sumber pusat. Rujukan kajian dokumentasi adalah artikel, jurnal, tesis mengenai pengawasan yang disertai dengan kajian tentang hubungan antara pengawasan klinik dan keberkesanan pengajaran guru. Rujukan ini sangat penting dalam meningkatkan tahap pemahaman dan tahap kepercayaan para penyelidik terhadap kajian serta mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai subjek kajian, fakta dan maklumat deskriptif yang merupakan bukti (bukti keras). Kajian kuantitatif memberikan nilai (nombor) kepada isu-isu yang dikaji dan memberikan maklumat dari segi bilangan perasaan dan tingkah laku manusia menjadi sampel kajian (Robert et al., 2009).

Terdapat 22 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Kangsar Perak. Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru dalam lapan buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Kuala Kangsar. Populasi kajian ini adalah seramai 320 orang guru. Daripada populasi tersebut seramai 175 orang sampel dijadikan responden kajian ini. Jumlah sampel ini adalah menepati cadangan yang dibuat oleh Krejcie & Morgan (1970). Persampelan tidak rawak bertujuan digunakan kerana pemilihan dibuat secara khusus dengan sengaja memilih sampel

tertentu untuk memenuhi kehendak pengkaji (Mohd.Najib, 2013). Maka sasaran kajian adalah bertumpu kepada sekolah menegah kebangsaan di daerah Kuala Kangsar sahaja.

Borang soal selidik adalah instrument atau alat kajian yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dikaji iaitu mengenalpasti persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal pengetua dari aspek sebelum, semasa dan selepas penyeliaan, mengenalpasti persepsi guru terhadap keberkesanan penyeliaan klinikal terhadap pengajaran berkesan dari aspek kualiti, aras pengajaran, insentif pengajaran dan mengenalpasti hubungan antara penyeliaan klinikal dengan faktor pengajaran berkesan di kalangan guru di Sekolah Kebangsaan di Daerah Kuala Kangsar. Instrumen kajian ini diubah suai oleh penyelidik daripada kajian yang dibuat oleh Rosmizana Yahya (2015) dan Khairul Bariah (2007). Kajian ini juga berdasarkan instrumen pihak Pentadbir Sekolah melalui perbincangan bersama bagi memastikan setiap perkataan dan istilah yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan maklumat yang lengkap untuk digunakan sebagai alat penyelidikan.

## ■5.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu maklumat demografi responden, kekerapan dan peratusan bagi amalan penyeliaan klinikal dan juga item bagi keberkesanan pengajaran, dan yang terakhir adalah hasil korelasi antara penyeliaan klinikal dengan keberkesanan pengajaran guru di daerah Kuala Kangsar.

### Demografi

Bagi latar belakang atau demografi responden, pengkaji ingin melihat berdasarkan lima item yang dirasakan penting untuk diketahui bagi memastikan responden tersebut layak untuk menjawab borang soal selidik ini. Item-item tersebut adalah jantina bagi responden tersebut, bangsa, tahap kelulusan akademik tertinggi yang dimiliki oleh responden, tempoh pengalaman mengajar guru tersebut, serta kekerapan responden tersebut iaitu guru diselia dalam tempoh setahun. Maklumat adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1** Nilai kekerapan dan peratusan bagi demografi responden

BIL	ITEM	KEKERAPAN DAN PERATUS
1	Jantina Guru	Lelaki (F = 62, P = 35.4%) <b>Perempuan (F = 113, P = 64.6%)</b>
2	Bangsa	Melayu (F = 109, P = 62.3%) Cina (F = 32, P = 18.3%) India (F = 31, P = 17.7%) Lain-Lain (F = 3, P = 1.7%)
3	Akademik Tertinggi	SPM (F = 11, P = 6.3%) STPM (F = 9, P = 5.1%) Diploma (F = 21, P = 12.0%) <b>Ijazah (F = 120, P = 68.6%)</b> Sarjana (F = 13, P = 8.0%)
4	Pengalaman Mengajar	<3 Tahun (F = 58, P = 33.1%) <b>4 – 8 Tahun (F = 68, P = 38.9%)</b> 9 – 14 Tahun (F = 28, P = 16.0%) >15 Tahun (F = 21, P = 12.0%)
5	Kekerapan Diselia Dalam Setahun	1 – 2 Kali (F = 79, P = 45.1%) <b>3 – 4 Kali (F = 88, P = 50.3%)</b> >5 Kali (F = 8, P = 4.6%)

### Analisis Objektif Pertama: Persepsi Terhadap Penyeliaan Klinikal Pengetua

Analisis persepsi guru terhadap item penyeliaan klinikal yang dilakukan pengetua terhadap mereka iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan akan dihuraikan dalam Jadual 2. Selain itu, setelah analisis dijalankan terhadap ketiga-tiga penyeliaan iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan, pengkaji telah menyusun elemen tersebut mengikut purata min. Maklumat tersebut dijelaskan dalam jadual di bawah.

**Jadual 2** Analisis pangkatan min aspek sebelum, semasa dan selepas penyeliaan

Aspek	Nilai Min	Turutan
Sebelum Penyeliaan	4.20	3
Semasa Penyeliaan	4.29	1
Selepas Penyeliaan	4.26	2

Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek semasa penyeliaan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.29 dan diikuti aspek selepas penyeliaan dengan nilai min 4.26. Namun begitu, aspek semasa penyeliaan mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.20. Ini menjelaskan bahawa penyeliaan lebih banyak dilakukan semasa dan selepas berbanding sebelum sesi penyeliaan dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

### Analisis Objektif Kedua: Keberkesanan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Guru

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyenaraikan hasil dapatan kajian bagi Aspek keberkesanan pengajaran guru iaitu tahap kualiti pengajaran, aras pengajaran dan juga insentif pengajaran. Setelah analisis dijalankan terhadap ketiga-tiga aspek bagi tahap keberkesanan pengajaran guru iaitu Tahap kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif, pengkaji telah menyusun elemen tersebut mengikut purata min. Maklumat tersebut dijelaskan dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3** Analisis pangkatan min aspek tahap keberkesanan pengajaran

Aspek	Nilai Min	Turutan
Kualiti Pengajaran	4.07	3
Aras Pengajaran	4.09	2
Insentif	4.10	1

Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek Insentif mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.10 dan diikuti aspek Aras Pengajaran dengan nilai min 4.09. Namun begitu, aspek Kualiti Pengajaran mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.07. Ini menjelaskan bahawa Insentif lebih terkesan semasa penyeliaan klinikal dijalankan berbanding kualiti dan aras pengajaran.

### Analisis Objektif Ketiga: Hubungan Amalan Penyeliaan Klinikal Dengan Tahap Keberkesanan Pengajaran

Bahagian ini iaitu analisis inferensi korelasi akan membincangkan mengenai hubungan Antara amalan penyeliaan klinikal dengan tahap keberkesanan pengajaran guru. Analisis inferensi Korelasi ini adalah untuk mengukur kekuatan hubungan signifikan, diikuti dengan kekuatan tahap hubungan sama ada kuat atau lemah antara dua pemboleh ubah. Berikut adalah dapatan korelasi antara amalan penyeliaan klinikal dengan tahap keberkesanan pengajaran.

**Jadual 4** Korelasi antara amalan penyeliaan klinikal dengan tahap keberkesanan pengajaran

Korelasi		Keberkesanan Pengajaran	Aras Kekuatan	Rumusan
Amalan Penyeliaan Klinikal	Korelasi pearson	0.335*	Sederhana Kuat	Signifikansi Ho1 ditolak
	Sig. (2 hujung)	0.000		
	N	175		

\*\*Signifikansi pada aras keyakinan 0.05 ( $p<0.05$ )

Berdasarkan jadual 4 di atas, hubungan korelasi antara amalan penyeliaan klinikal dan tahap keberkesanan pengajaran adalah sederhana kuat. Ia menolak Ho1 (Tidak terdapat hubungan signifikan antara Penyeliaan Klinikal sebelum penyeliaan pengetua dengan tahap pengajaran berkesan guru). Hal ini seiring dengan dapatan korelasi iaitu hubungan antara amalan penyeliaan klinikal adalah sederhana kuat dengan tahap keberkesanan pengajaran guru ( $r=0.335$ ) dengan nilai signifikan  $p=0.000$

## ■6.0 PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian dengan lebih mendalam berdasarkan tiga objektif kajian yang memberi fokus kepada persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal guru besar dari aspek sebelum, semasa dan selepas penyeliaan. Persepsi guru terhadap keberkesanan penyeliaan klinikal terhadap pengajaran berkesan dari aspek kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif pengajaran dan Hubungan antara penyeliaan klinikal dengan pengajaran berkesan guru.

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil pencapaian objektif kajian, kesemua objektif telah mendapat jawapan. Penemuan kajian telah menyokong hasil-hasil kajian lepas atau penemuan yang terdahulu. Walaubagaimanapun, terdapat juga peranggahan pendapat atau pertentangan penemuan dalam sesetengah dapatan kajian.

### Objektif 1: Persepsi Guru Terhadap Penyeliaan Kilinkal Dari Aspek Sebelum, Semasa dan Selepas Penyeliaan

Melalui Kajian Yang telah dibuat, dapatlah dirumuskan bahawa persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal guru besar adalah positif dan hasil kajian yang diperolehi adalah pada tahap yang tinggi terutamanya dari aspek semasa penyeliaan, diikuti aspek selepas dan sebelum penyeliaan. Ini bermakna amalan penyeliaan yang dilaksanakan oleh guru besar adalah mengikut kaedah penyeliaan klinikal di mana proses penyeliaan menjalani fasa sebelum, semasa dan selepas penyeliaan.

Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek semasa penyeliaan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.29 dan diikuti aspek selepas penyeliaan dengan nilai min 4.26. Namun begitu, aspek semasa penyeliaan mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.20. Ini menjelaskan bahawa penyeliaan lebih banyak dilakukan semasa dan selepas berbanding sebelum sesi penyeliaan dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil dapatan ini menyokong kajian lepas iaitu kajian Radi (2016) dalam kajianya ke atas 18 responden di 16 buah sekolah kebangsaan di daerah Muar, hasil dapatan menunjukkan persepsi guru-guru terhadap penyeliaan adalah positif dan amalan penyeliaan

menggunakan penyeliaan klinikal didapati menggunakan kaedah penyeliaan yang melibatkan ketiga-tiga fasa iaitu sebelum penyeliaan, semasa penyeliaan dan selepas penyeliaan.

Ia juga disokong oleh Rosmizana (2015) menyatakan Persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal adalah tinggi. Hasil dapatan kajian juga mendapat ketiga-tiga fasa penyeliaan diamalkan oleh penyelia ketika pencerapan dilakukan. Ini menunjukkan penyelia melaksanakan kaedah penyeliaan klinikal yang betul mengikut fasa yang telah ditetapkan. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 148 orang pelajar di 8 buah sekolah di Zon Bandar daerah Muar.

### **Objektif 2: Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Penyeliaan Kilinikal Terhadap Pengajaran Berkesan Dari Aspek Kualiti Pengajaran, Aras Pengajaran Dan Insentif Pengajaran**

Keberkesanan penyeliaan pengajaran dikaji dari aspek kualiti pengajaran guru. Hasil kajian mendapat penyeliaan pengajaran memberikan kesan yang positif bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru terutamanya dari segi meningkatkan keyakinan diri, merancang pengajaran yang sistematik, dan mempelbagaikan kaedah pengajaran. Namun begitu bagi pengetahuan guru mengenai teknik pengajaran agak berkurangan. Ini bermakna penyelia atau guru besar perlu mendedahkan pelbagai teknik pengajaran untuk guru agar sesi pengajaran berjaya sesuai dengan objektif yang dirancang.

Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek Penyeliaan dapat menggalakkan guru mengguna dan mempelbagaikan kaedah pengajaran terkini dan guru mendapat banyak ilmu melalui penyeliaan terutamanya dari segi teknik pengajaran mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.10. Namun begitu, aspek penyeliaan yang telah dijalankan banyak membantu meningkatkan keyakinan diri guru untuk mengajar dengan lebih berkesan berbanding sebelum ini mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.02.

Kajian mengenai aras pengajaran pula, berdasarkan analisis item, kesemua enam item mencatatkan nilai min yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru berpendapat dengan adanya penyeliaan klinikal, pengajaran dapat dilakukan dengan lebih berkesan dari aspek aras pengajaran dan pembelajaran. Ini disokong dengan item yang memperolehi nilai yang tertinggi iaitu item kelima yang menyatakan bahawa guru dapat merancang aktiviti pengajaran yang lebih baik sesuai dengan objektif pengajaran dengan adanya penyeliaan yang dilakukan. Namun begitu dari segi elemen penggunaan kemahiran berfikir dalam pembelajaran masih lagi berkurang. Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek dengan adanya penyeliaan, guru dapat merancang aktiviti dengan lebih baik bagi mencapai objektif yang dikehendaki mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.10. Namun begitu, aspek Penyeliaan di dalam kelas dapat membantu guru bagaimana menggunakan kemahiran berfikir dalam menguasai sesuatu topik pengajaran mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.05.

Sementara itu dapatan kajian dari segi insentif pengajaran pula, analisis min bagi insentif atau ganjaran menunjukkan bahawa kesemua item mencatatkan nilai min yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru berpendapat bahawa penyeliaan memberi kesan kepada pengajaran berkesan dari aspek insentif. Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek Dengan adanya penyeliaan, ianya dapat menggalakkan guru supaya memberi ganjaran atau pujian kepada pelajar yang berusaha mencapai kejayaan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.12. Namun begitu, aspek Penyeliaan yang dijalankan menjadikan guru bersemangat memberikan dorongan dan ganjaran kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh dan Melalui penyelian, guru dapat belajar bagaimana mengawal emosi dan memberi dendaan kepada pelajar yang malas min yang paling rendah iaitu 4.09.

Setelah analisis dijalankan terhadap ketiga-tiga aspek bagi tahap keberkesanan pengajaran guru iaitu Tahap kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif, pengkaji telah menyusun elemen tersebut mengikut purata min Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek Insentif mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.10 dan diikuti aspek Aras Pengajaran dengan nilai min 4.09. Namun begitu, aspek Kualiti Pengajaran mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.07. Ini menjelaskan bahawa Insentif lebih terkesan semasa penyeliaan klinikal dijalankan berbanding kualiti dan aras pengajaran.

Shahril (2014) melalui kajiannya di beberapa buah sekolah menengah Wilayah Persekutuan dan Selangor dalam Jurnal Pendidikan Amalan Pengajaran Berkesan, pelakuan guru sebagai pengajar yang berkesan secara tidak langsung dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berikutan keupayaannya dapat memotivasi pelajar agar berminat belajar yang akhirnya mencapai objektif pelajaran.

Menurut Nurlia Mohamad (2014), berdasarkan kajian beliau ke atas 50 murid di dua buah sekolah menengah mendapat terdapat perbezaan pencapaian murid yang menggunakan alat bantu mengajar iaitu kaedah petak sifir dan kaedah hafalan yang tidak memerlukan ABM. Kumpulan pelajar yang menggunakan kaedah petak sifir menunjukkan peratusan yang sangat tinggi iaitu 42.96% berbanding kaedah tradisional iaitu 19.68 %. Menurut beliau lagi pengajaran berkesan terhasil apabila penggunaan alat bantu mengajar di aplikasikan ketika sesi pengajaran berlangsung.

Kajian oleh Abdullah Sukor (2012) turut mendapat pelajar yang menggunakan pembelajaran menggunakan model konstruktivisme lima fasa iaitu, orientasi pembelajaran yang melibatkan pemerhatian murid iaitu penggunaan ABM, pencetusan idea seperti perbincangan, penstrukturkan idea, aplikasi idea dan refleksi iaitu perbandingan pengetahuan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Beliau mendapat penggunaan model tersebut mampu meningkatkan pencapaian pelajaran mereka dengan berkesan. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di negeri kedah dan ianya melibatkan 80 orang pelajar.

### **Objektif 3: Hubungan Antara Penyeliaan Kilinikal Dengan Pengajaran Berkesan Guru**

Hubungan korelasi antara amalan penyeliaan klinikal dan tahap keberkesanan pengajaran adalah sederhana kuat. Ia menolak Ho1 (Tidak terdapat hubungan signifikan antara Penyeliaan Klinikal sebelum penyeliaan pengetua dengan tahap pengajaran berkesan guru). Hal ini seiring dengan dapatan korelasi iaitu hubungan antara amalan penyeliaan klinikal adalah sederhana kuat dengan tahap keberkesanan pengajaran guru ( $r=0.335$ ) dengan nilai signifikan  $p=0.000$ .

Ini menunjukkan bahawa memang terdapat hubungkait antara amalan penyeliaan pengetua dengan tahap keberkesanan pengajaran guru. Ini disokong oleh kajian lepas iaitu menurut Nurahimah Mohd Yusof (2014), menyatakan satu kajian kolerasi telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara kualiti atau keberkesanan pengajaran dengan efikasi guru. Kajian yang dijalankan terhadap 856 sekolah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara kedua-dua pemboleh ubah ini.

Selain itu kajian mendapat bentuk penyeliaan mampu mempengaruhi pembelajaran guru dan membantu menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Lim Yeong Chyng (2015), dalam kajiannya yang menggunakan kolerasi pearson bagi mengenalpasti hubungan antara

persepsi guru terhadap penyeliaan dan hubungannya dengan keberkesanan pengajaran mendapat mempunyai hubungan yang positif. Menurut beliau lagi guru-guru perlu didedahkan kepada konsep dan matlamat penyeliaan supaya dapat mengembangkan potensi guru secara menyeluruh.

Dapatkan korelasi mendapat H01a (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal sebelum penyeliaan guru besar dengan kualiti pengajaran guru) adalah ditolak. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.424$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.000. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan antara amalan sebelum penyeliaan dengan tahap kualiti pengajaran guru. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.424$  berada pada tahap sederhana kuat dengan hubungan yang kuat manakala  $p=0.000<0.05$ .

Seterusnya, dapatkan korelasi mendapat H01b (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal sebelum penyeliaan guru besar dengan kesesuaian aras pengajaran guru) adalah diterima. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.092$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.226. Ini bermaksud tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan sebelum penyeliaan dengan aras pengajaran guru. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.092$  berada pada tahap amat lemah manakala  $p=0.226>0.05$ .

Seterusnya, dapatkan korelasi mendapat H01c (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal sebelum penyeliaan guru besar dengan insentif atau ganjaran.) adalah diterima. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.064$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.403. Ini bermaksud tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan sebelum penyeliaan dengan insentif pengajaran. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.064$  berada pada tahap amat lemah manakala  $p=0.403>0.05$ .

Dapatkan korelasi mendapat H02a (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal semasa penyeliaan guru besar dengan kualiti pengajaran guru) adalah ditolak. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.527$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.000. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan antara amalan semasa penyeliaan dengan tahap kualiti pengajaran guru. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.527$  berada pada tahap kuat dengan hubungan yang kuat manakala  $p=0.000<0.05$ .

Seterusnya, dapatkan korelasi mendapat H02b (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal semasa penyeliaan guru besar dengan kesesuaian aras pengajaran guru) adalah diterima. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.068$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.370. Ini bermaksud tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan semasa penyeliaan dengan aras pengajaran guru. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.068$  berada pada tahap amat lemah manakala  $p=0.370>0.05$ .

Seterusnya, dapatkan korelasi mendapat H02c (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal semasa penyeliaan guru besar dengan insentif atau ganjaran.) adalah diterima. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.026$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.733. Ini bermaksud tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan semasa penyeliaan dengan insentif pengajaran. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.026$  berada pada tahap amat lemah manakala  $p=0.733>0.05$ .

Dapatkan korelasi mendapat H03a (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal selepas penyeliaan guru besar dengan kualiti pengajaran guru) adalah ditolak. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.724$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.000. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan antara amalan selepas penyeliaan dengan tahap kualiti pengajaran guru. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.724$  berada pada tahap amat kuat dengan hubungan yang kuat manakala  $p=0.000<0.05$ .

Seterusnya, dapatkan korelasi mendapat H03b (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal selepas penyeliaan guru besar dengan kesesuaian aras pengajaran guru) adalah diterima. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.045$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.555. Ini bermaksud tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan selepas penyeliaan dengan aras pengajaran guru. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.045$  berada pada tahap amat lemah manakala  $p=0.555>0.05$ .

Seterusnya, dapatkan korelasi mendapat H03c (Tidak terdapat hubungan signifikan antara penyeliaan klinikal selepas penyeliaan guru besar dengan insentif atau ganjaran.) adalah diterima. Berdasarkan kepada pengiraan korelasi iaitu  $r=0.020$  dengan nilai signifikannya iaitu 0.796. Ini bermaksud tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan selepas penyeliaan dengan insentif pengajaran. Berpandukan kepada garis panduan Rowntree menunjukkan bahawa nilai korelasi  $r=0.020$  berada pada tahap amat lemah manakala  $p=0.796>0.05$ .

Secara kesimpulannya, hasil dapatkan kajian ini merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi amalan penyeliaan klinikal (sebelum penyeliaan, semasa penyeliaan, selepas penyeliaan) dengan tahap keberkesanan pengajaran (kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif pengajaran) guru di sekolah menengah kebangsaan zon Kuala Kangsar.

## ■7.0 KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan berbentuk deskriptif. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada kesan amalan penyeliaan klinikal iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan dengan tahap keberkesanan pengajaran guru di sekolah menengah zon Kuala Kangsar. Oleh itu, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk menganalisis hubungan kesan amalan penyeliaan klinikal iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan dengan tahap keberkesanan pengajaran guru di sekolah menengah zon Kuala Kangsar.

Sebelum soal selidik yang dibina oleh pengkaji, pengkaji telah membuat kajian rintis untuk mengetahui kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Apabila soal selidik diedarkan kepada 30 responden seperti yang dicadangkan oleh Chua (2006) bagi mewakili kajian rintis, didapati kebolehpercayaan soal selidik daripada kajian rintis adalah tinggi iaitu nilai Alpha adalah 0.896 bagi aspek Persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal dan 0.952 bagi aspek Keberkesanan penyeliaan terhadap pengajaran guru.

Setelah mengenal pasti kebolehpercayaan soal selidik, pengkaji menggunakan soal selidik mengikut kesesuaian dan keperluan dalam kajian. Soal selidik yang telah digunakan mengandungi 36 item sebagai instrumen kajian. Sejumlah 175 soal selidik telah diterima daripada responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di zon Kuala Kangsar.

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 20.0. Analisis data melibatkan statistik deskriptif bagi demografi, persoalan kajian 1 dan persoalan kajian 2. Manakala kaedah statistik inferensi Pearson korelasi digunakan untuk menganalisis

persoalan kajian 3 yang mengandungi 12 Hipotesis. Berpandukan kepada objektif dan persoalan kajian terhadap perlaksanaan penyeliaan klinikal terdiri daripada tiga aspek iaitu persepsi guru terhadap penyeliaan klinikal guru besar dari aspek sebelum, semasa dan selepas penyeliaan, persepsi guru terhadap keberkesanan penyeliaan klinikal terhadap pengajaran berkesan dari aspek kualiti pengajaran, aras pengajaran dan insentif pengajaran dan hubungan antara penyeliaan klinikal dengan pengajaran berkesan guru.

Hasil dapatan kajian adalah tahap amalan penyeliaan mendapati persepsi guru bahawa amalan semasa penyeliaan lebih kerap dilaksanakan berbanding amalan sebelum dan selepas penyeliaan. Selain itu, tahap min bagi ketiga tiga amalan penyeliaan ini berada di tahap tinggi. Berdasarkan nilai min yang dikaji, aspek Insentif mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.10 dan diikuti aspek Aras Pengajaran dengan nilai min 4.09. Namun begitu, aspek Kualiti Pengajaran mencatatkan min yang paling rendah iaitu 4.07. Ini menjelaskan bahawa Insentif lebih terkesan semasa penyeliaan klinikal dijalankan berbanding kualiti dan aras pengajaran. Secara keseluruhannya, hasil ujian korelasi Pearson yang dijalankan, didapati terdapat hubungan signifikan yang sederhana kuat antara penyeliaan klinikal pengetua dengan tahap keberkesanan pengajaran guru di zon Kuala Kangsar.

## Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah (2010). *Kepimpinan Dan Penambahbaik Sekolah*. Puchong Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Majid Khan (2011). *Penyeliaan Klinikal Dari Perspektif Pengajaran Di Sekolah*. Selangor. P.T.S Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdul Shukor Abdullah (2012). *Pengurusan Penyeliaan Dalam Suasana Sekolah Isu Dan Strategi*. Jurnal Pendidikan, 31(71), 33-39
- Acheson, K. & Gall, M. (1980). *Techniques in the Clinical Supervision Of Teachers*. New York: Logman
- Al Ramaiyah A. L. (1999). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya: Ibs Buku Snd. Bhd.
- Alimuddin Mohd Dom (2016). *Kepimpinan Instructional: Peranan Pengetua Dan Guru Besar Dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Azizi & Jaafar (2006). Membentuk Identiti Remaja*. Kuala Lumpur. Pts Profesional Publishing Sdn .Bhd.
- Boardman, W., Charles, Dougless R. Hari Dan Bent K. Rudyard. (1953). *Democratic Supervision in Secondary School*. Massachusetts: Houghton Mifflin Company.
- Carroll, J. (1989). A Model Of School Learning. *Teacher College Record*, 64, 723-73
- Chia Peggie (2012). *Amalan Penyeliaan Pengajaran Ke Atas Guru-Guru Teknikal Sekolah-Sekolah Menengah Teknikal Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Cogan, K.L. (1973). *Clinical Supervision*. Boston: Miflin
- Faridah Md. Pungot (2015). *Kesan Penyeliaan Pihak Pengurusan Terhadap Kecemerlangan Kerja Guru Di SM Teknik Kluang*. Seminar Pendidikan FakultiPendidikan. 15 Oktober. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Glatthorn, A.A. (1984). *Differentiated Supervision*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Glickman, C. D. (1989). *Supervision of Instruction: A Developmental Approach*. Georgia: Allyn and Bacon Inc.
- Glickman, C., Gordon, S., & Ross- Gordon (2003). *Supervision and Instructional Leadership* (6 Ed.) Boston: Allyn & Bacon.
- Glickman, C.D. (1985). *Supervision of Instruction*. Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Goldhammer, R. (1980). *Clinical Supervision: Special Methods for the Supervision of Teachers*. (2<sup>nd</sup> E.D.). New York: Random House.
- Gordon S. P. (1990). Developmental Supervision. An Exploratory Study of a Promising Model. *Jurnal of Curriculum and Supervision*, 5, 293-307.
- Haliza Hussin (2015). *Amalan Dan Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Muar*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Hamsan Abd. Latif (2012). *Keberkesanan Perlaksanaan Sistem Penyeliaan Pengajaran Terhadap Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Di Daerah Kluang Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Hussein Ahmad (1993). *Pendidikan Dau Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi Dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibrahim Mamat. (1998). *Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepimpinan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1993). *Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah*. Selangor. Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (2014). *Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah*. Selangor. Malindo Printers Sdn. Bhd.
- John B. Miner (2005). *Organizational Behavior: Foundations, Theories and Analyses*, 145-150. New York: Oxford University Fress. Inc.
- Kamaruddin Hj Kachar (1989). *Strategi Pentadbiran Pendidikan*. Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Tiga (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2005-2010*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1987). *Surat Pekeliling Ikhitis Bil. 3/1987*. Kuala Lumpur. Bahagian Sekolah.
- Khairul Bariah Abidin (2007). *Persepsi Guru Terhadap Amalan Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan
- Krejcie R.V (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Duluth: University Of Minnesota.
- Latif Muhammad (2015). *Perlaksanaan Kepimpinan Pengajaran Di Kalangan Pengetua Sekolah*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Lim Seng Thay (2011). *Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Zon Tiram Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan
- Lim Yeong Chang (2015). *Hubungan Antara Penyeliaan Pengajaran, Kesediaman Mengajar Dan Profesionalisme Guru Di Kalangan Guru Teknikal*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Lovell, J.T. & Phelps, M.S. (1977). Supervision In Tennessee As Perceived By Teachers, Principals And Supervisor. *Educational Leadership*, 35 (3), 227-228.
- Lucio, W. (1967). *Supervision: Perceptive and Propositions*. Ascd, Washington D.C.
- Malek Muhamat Sait (2014). *Mengurus Khidmat Bimbingan & Kaunseling Sekolah*. 180- 182. Kuala Lumpur: Pts Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Mimi Mohaffya Mohamad (2013). *Strategi Pembelajaran Koperatif Dalam Tajuk Rekabentuk Dan Penghasilan Projek*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Mohamad Johdi Salleh (2007). *Guru Efektif Dan Peranan Guru Dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah*. Perspektif Guru Besar Instituti Pendidikan International (Uiia). *Jurnal Pendidikan*, 87-113.
- Mohd. Salleh Lebar (2010). *Pentadbiran Pendidikan Dan Pendidikan Di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Logman Malaysia Sdn Bhd.
- Mohd Zaki Zakaria (2013). *Amalan Pengetua Sebagai Pemimpin Penyeliaan Di Sekolah Dan Kesannya Kepada Sikap Guru-Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Mohd. Najib Abdul Ghafaar (2013). *Reka Bentuk Tinjauan: Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mook Soon Sang (2008). *Pedagogi Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran PuchongSelangor*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mook Soon Sang (2008). *Psikologi Pendidikan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran*. Puchong Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nurahimah Mohd Yusoff. (2014). *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah Dan Efeksi Guru*. *Jurnal Pendidikan*, 25, 53-71
- Nurlia Mohamad (2014). *Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Pendidikan.
- Nurziana Anuar (2016). *Tinjauan Terhadap Tahap Penyeliaan Guru Pembimbang Terhadap Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Muda Pendidikan.
- Pajak Edward (2002). *Clinical Supervision and Psychological Functions: A New Direction for Theory and Practice*. *Journal of Curriculum and Supervision Spring*. 17(3), 189-205.
- Pajak Edward (2008). *Supervising Instruction: Differentiating For Teacher Success*. (3 Ed.).Norwood, Ma: Christopher Gordon.

- Radi Yahya (2016). *Amalan Penyeliaan Pengajaran Terhadap Guru- Guru Sains Di Sekolah Menengah Daerah Muar Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Rahimah Ahmad (2008). *Penyeliaan Klinikal; Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah*. Jurnal Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, 32, 24-32
- Ramaiah (1991). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini. Selangor*: Ibs Buku Sdn. Bhd.
- Ramaiah (1995). *Kepimpinan Pendidikan; Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya. Ibs Buku Sdn Bhd.
- Ramaiah (1999). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya: Ibs Buku Sdn. Bhd.
- Robert, J. Kaden, Gerald Linda, Jay Courad Levison (2009). *More Guerrilla Marketing Research*. 187-195. United Kingdom: Sage Publications..
- Rosmizana Yahya (2015). *Amalan Penyeliaan Klinikal Di Sekolah-Sekolah Menengah Zon Bandar Di Daerah Muar*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Ruhaida Mansor (2014). *Meningkatkan Kemahiran Murid Tahun Satu Dalam Mengenal Dan Menulis Abjad Melalui Pengajaran Berteraskan Pra Sekolah*. Prosiding Seminar Penyelidikan Ipba.
- Saedah Siraj (2001). *Perkembangan Kurikulum: Teori Dan Amalan*. Selangor: Alam Pintar Enterprise.
- Sarason, S.B. (1996). *Revisiting The Culture Of The School And The Problem Of Change*. New York: Teacher Collage Press.
- Sergiovanni, T. J. Dan Starrat R. J. (1993). *Supervision A Redefinition Fifth Edition*. New York: McGraw Hill, Inc.
- Shahril Marzuki (2014). *Amalan Yang Berkesan Pengajaran: Kajian Di Sesetengah Sekolah Tinggi Di Wilayah Persekutuan Dan Selangor*. Jurnal Pendidikan Universiti Malaya. 1(1), 1-15.
- Shamsuddin Mohamamad & Kamarul Azmi Jasmi (2016). *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit Utm Press.
- Slavin, R. (1994). *A Theory of School and Classroom Organization*. Dalam R. Slavin (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Subaidah Haleed (2016). *Persepsi Guru- Guru Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru Terhadap Kesan Penyeliaan Pengetua Ke Atas Peningkatan Kualiti Pengajaran Guru*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Sufaat Tumin, Mohamad Mahadi & Azman Adnan (2011). *Pengurusan Sekolah Oleh Pengetua Yang Sentiasa Sibuk*. Jurnal Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah, 2, 1 – 8.
- Sufean Hussin, Shahril @ Charil Marzuki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Habib Md. Som & Aliana Ranee (2005). *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan*, 34. Kuala Lumpur; Pts Professional Publishing Sdn Bhd.
- Sulaiman Masri (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal Dan Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Suryati Hj Md. Mohtah (2017). *Hubungan Antara Tahap Kepuasan Guru Dengan Amalan Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Dikkawasan Sungai Mati Muar Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Thomas R. Black (2003). *Doing Quantitative Research*, 111-112. London: Sage Publications Ltd.
- Wan Shafira Wan Zaki (2016). *Aplikasi Gaya Penyeliaan Pengajaran Guru Pembimbing Dalam Program Latihan Mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Pendidikan.
- Zamri Mohamod Dan Mohamed Amin Embi (2006). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Sebagai Etnik Bukan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 1, 11-128